

Pelabur rakan pembangunan: PM

B.H 24 AUG 1993

Oleh Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata, Malaysia mengiktiraf dan menganggap pelabur asing di negara ini sebagai rakan dalam pembangunan.

Sehubungan dengan itu, beliau mahu falsafah itu diterima dan dilaksanakan sebaik mungkin oleh syarikat asing terutamanya di kalangan syarikat multinasional.

Menurut Dr Mahathir, walaupun pelabur asing berniat mengaut keuntungan tetapi hakikatnya mereka turut menyumbang kepada pembangunan negara menerusi faedah daripada hasil cukai.

"Pelabur asing turut membantu membasmi ke-

miskinan dengan menyediakan peluang pekerjaan di samping menunaikan tanggungjawab korporat menerusi kegiatan kebajikan.

"Selain itu, kita berharap pelabur asing memindahkan teknologi mereka kepada industri kita. Apabila kita maju bermakna lebih banyak barangan boleh dibeli daripada pelabur asing.

"Mana-mana negara yang enggan atau lewat memperolehi teknologi tinggi akan tertinggal dan tidak dapat membangun malah tidak dipedulikan masyarakat antarabangsa kerana kuasa belinya yang lemah," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis

Penutup Perayaan 100 Tahun Esso di Malaysia, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Datuk Dr Sulaiman Daud; Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai; Pengerusi Esso, Morris E Foster dan lebih 500 kakitangan syarikat itu.

Dr Mahathir kemudiannya menyampaikan cek RM1 juta kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Mariam Abdul Kadir. Cek sumbangan Esso itu bertujuan menubuhkan Pusat Sumber Hipermedia Kanak-Kanak di Perpustakaan Negara.

Mengulas perayaan 100 tahun Esso, Perdana Menteri berharap syarikat gergasi itu kekal beroperasi di negara ini dengan

memberi sumbangan lebih bermakna kepada rakyat dan negara.

Menurutnya, bermula dengan perniagaan minyak tanah, Esso kini berkembang pesat sebagai pengeluar minyak mentah yang terbesar di negara ini.

"Saya mewakili kerajaan dan rakyat Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap sumbangan Esso terutamanya ketika Malaysia mula-mula mengenal teknologi tinggi," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir menyifatkan sumbangan RM1 juta kepada Perpustakaan Negara adalah selaras dengan objektif kerajaan bagi mewujudkan kerjasama di antara kerajaan dan swasta.